

Abdullah di Sudan untuk lawatan tiga hari

um-16/4/2007.

KHARTOUM 15 April - Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Khartoum hari ini bagi memulakan lawatan rasmi tiga hari ke Republik Sudan, bertujuan mempertingkatkan hubungan terutamanya dalam bidang perdagangan dan pelaburan.

Turut bersama dalam rombongan Perdana Menteri ialah Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Ketibaan Perdana Menteri disambut oleh Presiden Sudan Omer Hassan Ahmad Al-Bashir dalam satu upacara sambutan rasmi.

Hadir sama di lapangan terbang ialah Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Ng Lip Yong, Penasihat Hal Ehwal Agama kepada Perdana Menteri Tan Sri Dr. Abdul Hamid Othman, Duta Malaysia ke Sudan Zainal Hamzah dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Tan Sri Hassan Marican.

Esok, beliau akan mengunjungi Omer Hassan Al-Bashir di Friendship Hall (Ga'at Al Sadagha) sebelum menghadiri mesyuarat delegasi dan menyampaikan ucapan utama pada Forum Perniagaan Malaysia-Sudan.

Kemudian pada sebelah tengah hari, Naib Presiden Sudan Ali Osman Mohammad Taha dijangka mengunjungi Abdullah.

Di sebelah petang pula, Perdana Menteri dijadual menghadiri jamuan negara yang dianjurkan oleh Omer Hassan Al-Bashir.

Selasa ini, Abdullah akan melawat Ekspo Mini Petronas di Oil House di sini, diikuti "Majlis Ramah Mesra" dan menghadiri jamuan tengah hari bersama masyarakat Malaysia di sebuah hotel di sini.

Beliau kemudian akan berlepas ke Nairobi, Kenya, selepas mengucapkan selamat tinggal kepada Omer Hassan Al-Bashir di sebelah tengah hari.

- Bernama



ABDULLAH Ahmad Badawi dengan diiringi Presiden Sudan, Omer Hassan Al-Bashir memeriksa kawalan kehormatan sejurus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Khartoum, Sudan, semalam.

- Gambar MD. MUDANORAN MD. MUSAARI (Bernama)